

# Potensi dan Pendekatan dalam Perancangan Pembangunan Pelancongan Pacuan Komuniti di bawah Inisiatif Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kedah, Malaysia

Hartini Ahmad<sup>a\*\*</sup>, Nor Intan Saniah Sulaiman<sup>b</sup> Azhari Md Hashim<sup>c</sup>,

<sup>a</sup>Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia

Email: [hartini@uum.edu.my](mailto:hartini@uum.edu.my)

<sup>b</sup>Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia

Email: [norintan@uum.edu.my](mailto:norintan@uum.edu.my)

<sup>c</sup>Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Kedah, Malaysia

Email: [azhari033@kedah.uitm.edu.my](mailto:azhari033@kedah.uitm.edu.my)

## Abstrak

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) merupakan sebuah pusat pelaksanaan pelbagai program pembangunan dalam merealisasikan matlamat membangunkan masyarakat luar bandar dari pelbagai segi seperti perkhidmatan, ekonomi, sosial, teknologi dan pendidikan. Pada asasnya terdapat lapan (8) inisiatif yang menjadi fokus pelaksanaan program transformasi masyarakat luar bandar oleh RTC yang diterajui oleh pelbagai kementerian berkaitan iaitu penyediaan latihan kemahiran kepada penduduk luar bandar, penyediaan kios informasi, memupuk pertanian bernilai tinggi, pemprosesan produk agro-makanan, pengurusan rantaian bekalan hasil pertanian, kerjasama universiti, perkhidmatan keselamatan makanan dan farmaseutikal, dan kemudahan pembiayaan kewangan kepada usahawan luar bandar. Namun bagi RTC Kedah, terdapat inisiatif ke-sembilan (9) iaitu pembangunan pelancongan yang diterajui oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Kertas kerja ini membincangkan potensi produk pelancongan tempatan dan pendekatan strategik dalam perancangan pembangunan pelancongan di Negeri Kedah yang dipacu oleh masyarakat luar bandar selari dengan peranan dan fungsi RTC. Dengan pelbagai nilai keunikan yang dimiliki selain Pulau Langkawi, fokus pelancongan bagi RTC Kedah dengan mengambil kira objektif transformasi masyarakat luar bandar, boleh dikembangkan melalui beberapa sektor utama iaitu penginapan, pengangkutan, pusat membeli-belah, makanan dan minuman, sukan dan rekreasi, produk pelancongan tempatan, serta kesenian, kebudayaan dan sejarah. Bagaimanakah masyarakat luar bandar boleh memainkan peranan utama dalam memacu industri pelancongan tempatan dan apakah pendekatan strategik yang bersesuaian dalam perancangan pembangunan pelancongan oleh RTC Kedah dan kementerian penerajunya.

Kata kunci: pembangunan luar bandar, pembangunan pelancongan, penyertaan komuniti, produk pelancongan luar bandar.

## 1.0 Pengenalan

### 1.1 Program Transformasi Luar Bandar

Program Transformasi Luar Bandar (RTP) yang diperkenalkan di dalam Bajet 2012, merupakan satu lagi inisiatif di bawah pelan transformasi negara bagi mengubah Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi dan negara maju. RTP berhasrat untuk menarik pelaburan, mewujudkan

aktiviti ekonomi dan pekerjaan serta memberi peluang kepada generasi muda untuk kembali, hidup dan bekerja di kawasan luar bandar. Bagi melaksanakan RTP, Pusat Transformasi Luar Bandar atau Rural Transformation Center (RTC) telah ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) merupakan kementerian utama yang menerajui pelaksanaan program-program di bawah RTC. RTC yang dilaksanakan melalui inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy, NBOS), turut melibatkan kerjasama pelbagai kementerian lain, antaranya Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan.

## 1.2 Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Negeri Kedah

RTC ialah pusat kemudahan setempat yang menawarkan pelbagai perkhidmatan daripada agensi-agensi kerajaan serta melaksanakan inisiatif-inisiatif RTC bagi meningkatkan tahap kualiti hidup penduduk di kawasan luar bandar dengan berkonsepkan “Satu Hentian, Pelbagai Perkhidmatan”. RTC Kedah telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato’ Sri Najib Tun Abdul Razak pada 24 April 2014. Lokasinya yang terletak di Pekan Napoh, daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah dikelilingi kira-kira 120 buah kampung dengan populasi 227,054 penduduk. RTC Kedah boleh diakses melalui Lebuh raya Utara-Selatan, terletak di laluan utama ke Perlis dan Thailand (Ahmad, et al., 2015).

Terdapat lapan (8) inisiatif yang menjadi fokus pelaksanaan program transformasi masyarakat luar bandar oleh RTC adalah seperti latihan kemahiran, kios informasi 1Malaysia, pertanian bernilai tinggi, pemprosesan produk agro-makanan, pengurusan rantaian bekalan hasil pertanian, kerjasama universiti, perkhidmatan keselamatan 1Malaysia, dan kemudahan pembiayaan kewangan. Namun di bawah pelaksanaan RTC Kedah, terdapat inisiatif tambahan iaitu inisiatif ke-sembilan (9); pembangunan pelancongan yang diterajui oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

## 1.3 Inisiatif 9: Pembangunan Pelancongan Negeri Kedah

Inisiatif ini merupakan inisiatif tambahan bagi RTC Kedah selain RTC Terengganu yang diterajui oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC). Melalui inisiatif ini, potensi pelancongan negeri boleh diperkembangkan melalui RTC dalam mengetengahkan lokasi pelancongan, kebudayaan, produk tempatan, malah meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar melalui eko-pelancongan, homestay dan sebagainya.

## 1.4 Perancangan Pembangunan Pelancongan Negeri Kedah

Negeri Kedah terletak di utara Semenanjung Malaysia dengan keluasan 9,425 km<sup>2</sup>. Kedah juga dikenali dengan sejarah kegemilangan Kerajaan Kedah Tua serta penemuan-penemuan struktur dan artifak yang menyumbang dalam merungkai sejarah awal ketamadunan manusia seperti di tapak arkeologi Lembah Bujang dan Gunung Jerai (Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, 2015). Ibu negeri Kedah adalah Alor Setar merupakan tempat yang mempunyai kepelbagaian tempat menarik untuk dikunjungi dengan bangunan-bangunan bersejarah dan unik serta lokasi-lokasi eko-pelancongan. Malah Kedah juga terkenal dengan Pulau Langkawi yang merupakan pulau pelancongan bertaraf dunia. Dengan pelbagai nilai keunikan yang dimiliki, selain Pulau Langkawi, fokus pelancongan bagi RTC Kedah dengan mengambil kira faktor transformasi masyarakat luar bandar, boleh dikembangkan melalui beberapa sektor utama (Ahmad, et al., 2015).

## 2.0 Prospek Produk Pelancongan di Kedah melalui Pacuan Komuniti

### 2.1 Sektor Penginapan

Sektor penginapan merupakan elemen penting dalam memenuhi keperluan asas pelancong. Selain hotel, terdapat banyak inap desa atau homestay yang boleh dipromosikan. Melalui pengurusan yang cekap, perusahaan inap desa ini boleh menawarkan pelancong asing pengalaman gaya hidup desa melalui penganjuran aktiviti komuniti. Bagi pelancong tempatan pula, inap desa selalu menjadi pilihan kerana kos yang lebih rendah berbanding hotel. Selain itu, kewujudan inap desa seperti Homestay Kampung Pisang, Jitra (Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, 2015) dapat menarik minat pelancong luar dan tempatan sebagai pilihan bagi percutian keluarga seperti bagi tujuan menghadiri kenduri perkahwinan atau semasa musim puncak seperti majlis konvokesyen pengajian dan cuti sekolah. Program inap desa ini dilihat dapat menyemarakkan kerjasama masyarakat setempat malah perusahaan ini dapat menjana sumber pendapatan yang lumayan.

### 2.2 Sektor Pengangkutan

Kecekapan sistem pengangkutan dapat menggalakkan kehadiran pengunjung dan pelancong. Selain keperluan mempertingkatkan mutu perkhidmatan teksi dan bas, terbaru dengan adanya kereta api elektrik; Electric-Train-Set (ETS) oleh Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang menghubungkan Kuala Lumpur - Padang Besar, Perlis yang mengambil masa selama 4 jam 45 minit dilihat dapat memberi impak kepada peningkatan bilangan pelancong dan sektor pelancongan Kedah. Selain itu, cadangan pembinaan lapangan terbang baharu di Kulim juga merupakan input positif dalam menjana perkembangan pelancongan di Kedah.

### 2.3 Sektor Membeli-belah

Kedah juga merupakan lokasi tumpuan untuk membeli belah. Terdapat kompleks membeli-belah zon bebas cukai di Bukit Kayu Hitam yang terletak di sempadan Malaysia-Thailand selain di Pulau Langkawi. Selain itu, di Alor Setar pula, terletak Kompleks Pekan Rabu yang memasarkan pelbagai produk keluaran tempatan seperti kraf tangan, pakaian, dan produk makanan.

Satu budaya membeli-belah yang unik di kalangan masyarakat di Malaysia adalah berkonsepkan 'pasar sehari', 'pasar malam' atau 'pasar pagi' yang kebiasaannya diadakan sekali atau dua kali sahaja dalam seminggu. Konsep ini boleh diadaptasi di RTC Kedah dalam menjenamakan sebuah 'pasar sehari' yang mengangkat produk-produk hasil tempatan dari masyarakat luar bandar (Ahmad, et al., 2015).

### 2.4 Sektor Makanan dan Minuman

Terdapat banyak makanan dan minuman popular di Kedah yang menjadi buruan para pelancong khususnya pelancong tempatan apabila datang berkunjung ke Kedah. Selain pengaruh masakan Thai seperti 'tom yam' dan 'som tam' serta restoran makanan laut yang sangat mudah didapati, terdapat banyak lagi menu yang unik dan menjadi menu signature di Kedah. Antara kedai makanan yang popular ialah Laksa Beras Teluk Kechai, Laksa Ikan Seekor, Mee Abu, Popia Jamal Zee Fee, Bihun Sup Bamboo Pekan Rabu, Nasi Lemak Haji Ali, Tat Nasi Ayam, Mee Udang Galah, Haji Johari Cendol Pulut dan banyak lagi.

Faktor penjenamaan dan memiliki keunikan tersendiri membolehkan sesuatu jenama restoran ini mengangkat sesebuah menu menjadi popular dan menjadi antara lokasi wajib singgah oleh para pelancong. Di RTC Kedah, kewujudan Restoran Gelas Besar misalnya, mampu menjadi salah satu jenama yang dikenali umum sekiranya dipromosikan dengan lebih menarik. Di RTC Kedah juga terdapat kios yang menjual produk tempatan seperti kuih tradisional hasil keluaran anak tempatan. Selain menjadikan jenama ini terkenal, ia juga menjadi tarikan kepada pelancong untuk singgah ke RTC.

## 2.5 Sektor Produk Agro

Bagi Negeri Kedah, antara produk tempatan yang sinonim adalah pekasam dan ikan masin, madu lebah kelulut, madu lebah Tualang, kuah rojak Mak Bee dan kuih-kuih tradisional. Di RTC Kedah, terdapat pelbagai produk hasil keluaran masyarakat setempat yang berpotensi dikembangkan sebagai produk pelancongan seperti produk makanan dan minuman. Namun, bagi menjadi salah satu produk pelancongan, perusahaan-perusahaan ini memerlukan bantuan teknologi dan pembiayaan bagi menghasilkan produk dalam skala kuantiti yang besar untuk memenuhi permintaan yang tinggi. Penganjuran program seperti Mini Karnival Usahawan Desa Zon Utara 2014 dilihat dapat menjadi platform untuk usahawan desa memperkenalkan produk keluaran. Malah penganjuran program seperti Hari Kubota dan Karnival Orkid juga secara tidak langsung mampu untuk menarik pelancong dari luar kawasan untuk datang ke RTC Kedah.

## 2.6 Sektor Sukan dan Rekreasi

Aktiviti sukan dan rekreasi juga berpotensi tinggi di Kedah dengan kewujudan pelbagai lokasi eko-pelancongan selain Pulau Langkawi. Antara yang popular adalah Taman Rekreasi Air Darulaman, Sungai Sedim Tree Top Walk, Air Panas Ulu Legong, Tasik Pedu dan Gunung Jerai. Bagi pelancong yang meminati sukan golf, boleh berkunjung ke padang golf sekitar daerah Kubang Pasu seperti Black Forest Golf & Country Club di Bukit Kayu Hitam, Darulaman Golf & Country Club di Jitra dan Kelab Golf Universiti Utara Malaysia.

Selain itu, penganjuran program tahunan secara besar-besaran seperti sukan berbasikal, Le Tour di Langkawi dan pameran akrobatik pesawat; Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA) misalnya, dapat meningkatkan jumlah kehadiran pelancong ke Kedah. Dengan komitmen dari Kerajaan Negeri, Kementerian Pelancongan dan pihak RTC, pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi yang lebih menjurus kepada penglibatan masyarakat luar bandar boleh dijadikan sebagai program tahunan secara besar-besaran seperti penganjuran aktiviti-aktiviti sukan tradisional atau lasak.

## 2.7 Sektor Kesenian, Kebudayaan dan Sejarah

Seiring dengan kekayaan sumber sejarah di Kedah, sektor kesenian, kebudayaan dan sejarah pastinya tidak boleh dilupakan. Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Gunung Jerai ada menyimpan rahsia asal usul ketamadunan manusia yang dikatakan antara terawal di dunia. Bagi mengenali sejarah kegemilangan kerajaan Kedah Tua, terdapat Muzium Negeri dan Muzium Diraja boleh dikunjungi. Bagi menyusuri sejarah Malaysia pula, terdapat Rumah Merdeka iaitu kediaman Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan Rumah Kelahiran Tun Mahathir Mohamed iaitu Perdana Menteri keempat yang berasal dari negeri ini. Terdapat banyak lagi bangunan bersejarah dan mercu tanda seperti Menara Alor Setar, Masjid

Al-Bukhary, Muzium Padi dan Balai Nobat yang boleh dikunjungi oleh pelancong (Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, 2015).

Namun, kewujudan muzium, bangunan bersejarah dan mercu tanda sahaja tidak memadai sebaliknya lokasi-lokasi ini memerlukan penganjuran program dan aktiviti menarik supaya dapat menarik kunjungan pelancong secara berterusan. Oleh itu, selain penganjuran program di RTC sendiri, pelbagai program kemasyarakatan boleh dianjurkan di lokasi-lokasi bersejarah ini. Selain mempromosi pelancongan, kita juga dapat memberi pendedahan berkenaan kesenian, kebudayaan dan sejarah Kedah khususnya kepada generasi belia masa kini agar lebih berjati diri dan menyayangi negeri dan negara tercinta.

### **3.0 Perancangan Pembangunan Pelancongan Pacuan Komuniti melalui RTC Kedah**

#### **3.1 Peranan Masyarakat Luar Bandar**

Melalui KKLW dan juga beberapa kementerian lain, peranan masyarakat luar bandar dalam memacu pembangunan pelancongan di Negeri Kedah dapat dipertingkatkan melalui inisiatif pembangunan modal insan luar bandar misalnya melalui sektor penginapan serta sektor makanan dan minuman. Golongan ini dilihat sangat signifikan dalam memacu pembangunan pelancongan di negeri Kedah khususnya selain sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi, sosial dan teknologi di sekitar RTC Kedah. Sebagai contoh penglibatan masyarakat dalam sektor pelancongan misalnya program homestay, dilihat dapat membantu dalam mempromosikan sektor pelancongan terutama pelancongan berkonsepkan kehidupan masyarakat desa.

#### **3.2 Pemangkin Transformasi Ekonomi, Sosial dan Teknologi**

RTC dilihat sebagai pemangkin dalam mentransformasikan ekonomi, sosial dan juga teknologi masyarakat luar bandar dengan melaksanakan satu pusat yang boleh menjana pendapatan, membuat keputusan yang cepat bagi menjadi lebih dinamik dan fleksibel, dan fokus kepada meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar.

RTC perlu memberi perhatian bagi yang sewajarnya terhadap bidang teknologi termasuk teknologi maklumat. Terdapat perubahan teknologi dalam bidang pertanian termasuk meningkatkan pengeluaran melalui penggunaan teknologi mesin dan kaedah yang sesuai. RTC Kedah perlu membuka peluang melalui pelaksanaan norma-norma dan gelagat kerja seperti mempelbagaikan akses kepada sistem pengeluaran yang lebih baik dan teknologi yang sesuai digunakan oleh usahawan seperti e-perdagangan, sistem perbankan berasaskan internet.

#### **3.3 Tadbir Urus**

Tujuan tadbir urus yang baik di RTC adalah untuk menggalakkan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik dan meningkatkan akauntabiliti melalui pengukuran penanda aras dalam tadbir urus. Tadbir urus berkaitan dengan proses di mana organisasi diurus, dikawal dan dipertanggungjawabkan. Ia merangkumi kuasa, akauntabiliti, kepimpinan, arahan dan kawalan dilaksanakan dalam organisasi (Australian National Audit Office (1999); Organisation for Economic Co-operation and Development (2004)).

RTC ditubuhkan untuk menggabungkan kampung-kampung yang berdekatan dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang berorientasikan nilai tambah tinggi. Seperti yang dilaporkan di dalam Ahmad, et al. (2015), di RTC, penduduk tempatan akan dapat:

- Menjual produk pertanian dalam bentuk nilai-tambah tinggi secara terus;
- Membeli bekalan dan perkhidmatan untuk pengguna pada harga yang lebih rendah;
- Dapatkan kemahiran, latihan dan program pembangunan keusahawanan;
- Mempunyai akses kepada bantuan kewangan dan perkhidmatan lain secara terus;
- Perkongsian dan pertukaran maklumat dan pengetahuan.

Dengan pelaksanaan program-program ini, kerajaan berhasrat untuk menjadikan masyarakat luar bandar lebih berdaya maju dan dapat meningkatkan kualiti dan kuantiti produk masing-masing supaya dapat dipasarkan di seluruh negara dan seterusnya menembusi pasaran eksport yang dapat mempertingkatkan taraf ekonomi penduduk.

### 3.4 Penjenamaan dan Promosi

RTC perlu proaktif dalam era komunikasi pantas dan media sosial dengan mewujudkan satu imej jenama yang akan menggambarkan perkhidmatan yang diberikan di pusat untuk masyarakat luar bandar. Platform media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *LinkedIn* dan *Twitter* juga medium yang kuat untuk mempromosi jenama. Ini boleh dicapai melalui peluang kerjaya dan prospek yang berpotensi untuk membantu penjenamaan RTC.

### 3.5 Hubungan Strategik

Hubungan strategik antara Mini RTC - RTC - UTC merupakan salah satu bahagian penting dalam inisiatif RTC yang bermatlamat meningkatkan kesejahteraan usahawan luar bandar dari segi peningkatan hasil masyarakat umumnya. Responden percaya bahawa penubuhan RTC melalui hubungan strategik akan membantu meningkatkan projek-projek pertanian bernilai tinggi oleh masyarakat luar bandar. Masyarakat juga mengalu-alukan RTC sebagai pusat pengumpulan hasil setempat, pusat pengedaran bagi barangan segar dan percaya RTC Kedah mampu menjadi pusat pengumpulan, pengedaran, dan perdagangan produk dari usahawan dan produk desa sekitarnya. Responden dari masyarakat juga menunjukkan minat mereka dalam mempromosikan produk tempatan melalui atas talian, terutama produk pertanian, perikanan, ternakan, makanan dan minuman serta produk kraftangan.

### 3.6 Kemampanan Pembangunan

Dalam memacu pembangunan pelancongan di Negeri Kedah, pengurusan dan pemantauan harus diwujudkan. Secara teori, kemampanan pembangunan boleh dilaksanakan tanpa pengurusan atau pemantauan, namun secara realistik ianya hampir tidak dapat dilaksanakan tanpa keduanya. Kriteria ini dapat menilai kewujudan dan kualiti pengurusan pelancongan.

## 4.0 Kesimpulan

Keterlibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan adalah dilihat sangat positif dalam usaha kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar. Produk pelancongan bukan hanya tertumpu kepada kawasan dan alam semulajadi yang indah malah boleh dipelbagaikan seperti program agro pelancongan. Oleh demikian, usaha dan pendekatan yang telah diambil oleh agensi kerajaan melalui RTC Kedah secara tidak langsung membantu komuniti luar bandar terutamanya terlibat dalam pembangunan pelancongan Negeri Kedah.



## 5.0 Rujukan

Australian National Audit Office (1999). Principles and better practices: Corporate governance in commonwealth authorities and companies. Canberra: ANAO.

Organisation for Economic Co-operation and Development (2004). Measuring Sustainable Development: Integrated Economic, Environmental and Social Frameworks. Paris: OECD Publishing.

Ahmad, H. et al., 2015. *Kajian Bersepadu Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Zon Utara*, Kedah: Laporan Akhir.

Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, 2015. *Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kedah*. [Online] Available at: <http://portal.kedah.gov.my/sample-levels/20-profil-negeri/1-sejarah> [Accessed 12 Mac 2015].

## **METHODS, IDENTITY AND SOCIAL CAPITAL**